

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 NOVEMBER 2016

Melayu, Bumiputera kekal teras penyatuan bangsa: Najib

BH- 11/11/2016

➔ Agenda Transformasi Nasional 2050 tetap ambil kira kepentingan semua kaum

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

► Shah Alam

Melayu dan Bumiputera kekal menjadi prinsip penting kepada penyatuan rakyat di Malaysia walaupun agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50) akan mengambil kira kepentingan semua kaum di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata apabila mahu memajukan negara, semua kaum perlu dimajukan dan yang diutamakan adalah tidak membiarkan masyarakat Melayu dan Bumiputera ketinggalan dalam kemajuan.

Justeru, beliau berkata, keindukan yang berteraskan Melayu dan

Bumiputera menjadi prinsip penting kepada penyatuan bangsa di negara ini kerana kedua-dua asas itu, iaitu Melayu dan Bumiputera adalah perkara utama terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip penting Perlembagaan

“Kalau kita nak melihat ke hadapan, kita harus melihat dari mana kita datang. Bila kita singkap sejarah, tamadun kita, asal usul kita diterjemahkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang jika kita perhalusi, mengandungi beberapa prinsip yang penting.

“Antara yang penting adalah keindukan negara kita yang berteraskan Melayu dan Bumiputera. Dalam Perlembagaan Persekutuan, bahasa rasmi, bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan, itu keindukan, tapi bahasa lain di-

benar ditutur dengan bebas. Islam agama rasmi, tapi agama lain dibenar diamal dengan bebas.

“Ketua negara kita ialah Yang di-Pertuan Agong yang dipilih dalam kalangan sembilan raja Melayu. Kalau terima prinsip ini, mudah kita ke hadapan,” katanya berucap merasmikan Majlis Penutup Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa 2016 di Universiti Teknologi MARA (UiTM), di sini semalam.

Konvokesyen dianjurkan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media serta Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) UiTM. Yang turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Joseph Kurup dan Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said.

Najib yang juga penaung kon-

vokesyen bertemakan 'Menyingkap Perjuangan Bangsa' itu, berkata agenda TN50 juga untuk melahirkan ramai generasi masa depan yang mampu berjaya di peringkat antarabangsa dan menjadi pemain global.

“Kenapa saya usahakan TN50? Kita nak dari bawah, dari akar umbi ke atas. Saya mahu buat secara konsensus nasional supaya semua kepentingan kaum diambil kira, tetapi sekali lagi keindukannya mesti Melayu dan Bumiputera,” katanya.

Sambil menegaskan rakyat perlu ada daya kesungguhan untuk berjaya dan membantu melahirkan lebih ramai pemain global, Perdana Menteri berkata, jika rakyat terlalu selesa dengan kedudukan dan tiada kesungguhan, orang lain akan mengambil peluang itu.